



Gambar Ratusan orang
menunggu ketibaan
YDPA di Bukit Mertajam
pada tahun 1962.



Anugerah Koleksi Foto Bersejarah dan Vintaj Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang

Cerita Lama

Seberang Perai Tengah

15 Julai –
30 November
2022

Gambar Institut
Keretapi
Bukit Mertajam
tahun 1931

Pengenalan

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDSPT) adalah merupakan pemangkin utama di dalam menerajui pembangunan daerah di Wilayah Seberang Perai. Ia terletak di tengah-tengah Zon Pembangunan Perindustrian Pulau Pinang khususnya di Wilayah Seberang Perai dan pada amnya terletak di tengah-tengah koridor Zon Pembangunan Utama Utara Semenanjung sama ada dari perspektif Utara-Selatan mahupun Timur-Barat Semenanjung.

Institusi Pentadbiran Daerah di Pulau Pinang bermula pada tahun 1886 hasil cetusan W.E Maxwell, Pesuruhjaya Tanah Negeri-Negeri Selat (CO 273/146) melalui pembentukan 5 daerah seperti sedia ada.

Daerah Seberang Perai Tengah mempunyai keluasan 236.796 km persegi dan merupakan daerah ke-3 terbesar di Pulau Pinang. Jumlah penduduknya ialah seramai 362,820 orang [2010]. Terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang yang mendiami 21 buah Mukim. Seberang Perai Tengah mempunyai 4 buah bandar iaitu Bandar Bukit Mertajam, Bandar Perai, Bandar Perda, dan Bandar Seberang Jaya.

Sejarah Seberang Perai

Kerajaan "Seberang Perai" atau Kerajaan Perai (di bawah "Autonomi Wilayah" Empayar Kesultanan Kedah) yang bermula dari Tahun 1700 berakhir pada 1869 bermula dari fasa pertama di Kuala Sungai Perai dan fasa kedua berada di Kampung Terus, Kampung Kubu, Kampung Kota, Kampung Pengkalan Tambang di sepanjang Sungai Perai di Daerah Seberang Perai Tengah.

Antara tokoh-tokoh pemerintah dan yang terlibat bermula dari Temenggong Abdul Rahman atau dikenali sebagai Temenggong Pak Hujan yg membangunkan Kuala Perai (muara Sungai Perai) pada tahun 1700. Manakala Pembangunan fasa kedua "Kerajaan Perai" (tahun 1804-1856) di sekitar Kampung Terus, Kampung Kubu, Kampung Kota, Kampung Pengkalan Tambang dan hulu Sungai Perai adalah dipimpin oleh Tunku Sulaiman Sultan Abdullah, Tengku Muhammad Saad, Tengku Muhammad Jiwa, Tengku Muhamad Akib bersama dengan tokoh-tokoh pemerintah Melayu yang lain.

Anugerah Koleksi Foto Bersejarah dan Vintaj

Anugerah ini bertujuan untuk mendapatkan koleksi gambar-gambar lama melalui kaedah catatan "oral documentation" yang diberitahu oleh penduduk setempat, berserta dengan gambar-gambar lama.

Peserta dikehendaki menangkap gambar lama atau imbas "scan" foto-foto lama disertai dengan kenyataan latar belakang setiap gambar, yang diceritakan oleh pemilik gambar tersebut.

Syarat-syarat Pertandingan

1. Terbuka kepada semua berumur **18 ke atas**.
2. Peserta dikehendaki mendapatkan **gambar-gambar lama berserta dengan cerita** disebalik gambar lama tersebut.
3. Kawasan pertandingan merangkumi seluruh **Seberang Perai Tengah Sahaja**.
4. Gambar-gambar perlulah **bertarikh sebelum tahun 1990**.
5. Peserta perlu mendapatkan gambar berserta dengan kenyataan yang direkod dari pemilik / ahli keluarga gambar tersebut.
6. Tiada had bilangan penyertaan
7. **Size Gambar: Maximum 10MB** setiap gambar
8. **Medium:** Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu
9. **Tarikh Tutup: 30 November 2022, 11:59 malam**
10. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos perbelanjaan sepanjang tempoh pertandingan.
11. Pihak penganjur berhak membuat pindaan dari masa ke semasa syarat-syarat penyertaan tanpa perlu memaklumkan kepada peserta terlebih dahulu.
12. Keputusan juri adalah muktamad dan pihak juri mempunyai kuasa untuk melucutkan kelayakan penyertaan sekiranya peserta tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Hadiah Pertama

RM2,000 + Sijil Pemenang

Hadiah Kedua

RM1,000 + Sijil Pemenang

Hadiah Ketiga

RM800 + Sijil Pemenang

Hadiah Saguhati (10 Pemenang)

RM300 + Sijil Pemenang

15 JULAI 2022

Pengumuman Pertandingan

30 NOVEMBER 2022

Penyertaan ditutup, 11:59 malam

DISEMBER 2022

Proses Penjurian

JANUARI 2023

Pengumuman Pemenang

Cara-cara Penyertaan



1

Cara 1:
Imbas Kod QR

Cara 2:
Klik butang "Penyertaan"

Penyertaan

Cara 3:
Klik pautan di bawah
bit.ly/CERITALAMASPT

2 

Isikan maklumat penyertaan berserta dengan huraian cerita berkenaan dengan gambar tersebut.

3 

Muatnaik "upload" gambar. (dalam bentuk JPG, PNG, saiz tidak melebihi 10MB)